

| | | | |
|------------|-----------------------------|-------------|----------------------|
| Headline | FRIM pelopor industri buluh | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 178,211 |
| Page No | 10,11 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1774 cm ² |
| Journalist | ASHRIQ FAHMY AHMAD | AdValue | RM 35,062 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 105,186 |



MegaAlam

FRIM pelopor industri buluh

TAMAN BULUH
BAMBOO GARDEN

Program penyelidikan dan pembangunan dilaksanakan sebagai pengganti kepada kayu

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD
ashriq.ahmad@utusan.com.my

PENYELIDIKAN ke atas buluh dan rotan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bermula sejak tahun 1984 lagi seiring dengan pengurangan bekalan kayu balak di hutan. Tumbuhan itu juga tumbuh subur di kawasan yang terbuka dan bersariran baik dan boleh didapati dalam dua bentuk pertumbuhan iaitu monopodial (berbatang tunggal) dan simpodial (berumpun) namun keseluruhan buluh di Malaysia tergolong dalam pertumbuhan simpodial.

Menurut Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, buluh merupakan antara produk bukan kayu yang memiliki kekuatan yang lebih baik daripada kayu. Malah katanya, buluh di negara ini terbukti lebih baik daripada buluh yang terdapat di negara bersuhu sederhana seperti China menerusi kajian saintifik.

Ujarnya, apa yang membezakan buluh di Malaysia dan di negara tersebut adalah susunan fiber (gentian) di dalam buluh di negara ini adalah lebih rapat dan padat.

"Struktur gentian yang padat menjadikan daya ketahanan buluh kita lebih tinggi, malah penggunaan buluh dalam proses pembinaan amat digalakkan berikutan tumbuhan ini lebih mesra alam. "Malah sebuah syarikat dari China juga berminat untuk mendapatkan buluh daripada negara ini untuk dikomersialkan di negara itu menunjukkan kualiti buluh di negara ini adalah yang terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis perasmian Galeri Buluh dan Palma yang disempurnakan oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Datuk Seri G. Palanivel sempena lawatan ke FRIM, Kepong, Selangor baru-baru ini.

Tambah Dr. Abd. Latif lagi, sifat buluh di Malaysia yang tumbuh secara serumpun (simpodial) menjadikan tumbuhan tersebut lebih kuat berbanding spesies buluh di luar negara yang tumbuh secara tunggal (monopodial).

Menyedari kepentingan buluh dan sumber hutan bukan kayu, satu jawatankuasa untuk menyelaras Penyelidikan Buluh dan Rotan telah ditubuhkan selepas FRIM menjadi badan berkurusan pada tahun 1985.

Jawatankuasa tersebut diketuai oleh FRIM dan wakil-wakil daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan

ANTARA
spesies buluh
yang terdapat
di FRIM,
Kepong.

Struktur gentian yang padat menjadikan daya ketahanan buluh kita lebih tinggi, malah penggunaan buluh dalam proses pembinaan amat digalakkan berikutan tumbuhan ini lebih mesra alam

| | | | |
|------------|-----------------------------|-------------|----------------------|
| Headline | FRIM pelopor industri buluh | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Jun 2014 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 178,211 |
| Page No | 10,11 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 1774 cm ² |
| Journalist | ASHRIQ FAHMY AHMAD | AdValue | RM 35,062 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 105,186 |



Info

- Buluh tergolong dalam kumpulan monokotilidon dari famili Gramineae iaitu keluarga rumput dan tumbuh dalam kawasan beriklim sederhana serta separa-tropika.
- Di Malaysia terdapat 70 spesies buluh dan 13 daripadanya memiliki nilai komersial.
- Terdapat 104 spesies rotan dan hanya 30 daripadanya boleh dikomersialkan.
- Rotan dan buluh merupakan spesies yang hidup liar dan cepat membesar dalam kawasan hutan dan merupakan produk hutan bukan kayu yang penting di negara ini.

sebuah institut penyelidikan yang telah dipilih untuk menjalankan R&D dan sebagai perunding kepada pihak industri.

Sebanyak 59 pusat latihan industri dan teknikal telah ditubuhkan sehingga kini yang melibatkan lebih 1,500 peserta serta pelbagai program pemindahan teknologi menerusi kursus, latihan, seminar, pameran dan perkhidmatan perundingan turut dilaksanakan kepada usahawan.

Pada tahun 1990 hingga 1995, unit SSE telah dinamakan semula kepada Unit Pembangunan Perusahaan Kecil (UPPK) bagi memberi tumpuan kepada penyelidikan asas dalam produk rotan dan buluh, inovasi dan pembangunan automasi kos rendah untuk pembangunan produk dan pembuatan.

Bagaimanapun unit tersebut ditukarkan sekali lagi kepada Unit Hutan Bukan Kayu dengan memberikan tumpuan kepada pelbagai penyelidikan yang berkaitan dengan produk komersial.

Terakhir, pada tahun 2009, penyelidikan buluh dan palma diletakkan di bawah Program Kualiti Kayu dan Bukan Kayu di bawah Bahagian Keluaran Hutan dan mengekalkan nama Unit Pembangunan Bukan Kayu (UPPK) dan terus membantu pihak industri.

Antara penyelidikan yang telah dilaksanakan berkaitan buluh dan palma adalah 'Moulded Laminated Bamboo Veneer As Furniture Component' Plybamboo, PTP (Exterior grade plybamboo), 'Bamwood', C-bam, Wood-V-Bam dan 'Bamboo And Wood Fibre Cement Composites'.

Malah, FRIM juga melaksanakan pelbagai kerjasama bersama pihak industri bagi membantu mereka. Sebagai contoh, kerjasama FRIM-KAR Masterpiece Sdn. Bhd. pada 2011 dengan kerjasama Kanger dari China bagi menghasilkan produk buluh terolah (*engineered bamboo*) menggunakan buluh tempatan.

Menerusi kerjasama tersebut, FRIM mensasar untuk memindahkan teknologi dari China ke Malaysia bagi mengembangkan lagi industri bukan kayu tempatan.

FRIM juga terlibat dan bekerjasama dengan syarikat Bio-komposit Sdn. Bhd. di Gerik, Perak bagi mewujudkan ladang buluh untuk tujuan pengeluaran buluh secara besar-besaran.

Sehingga kini terdapat lebih 100 industri berasaskan buluh dan palma (rotan) telah mendapatkan khidmat



G. PALANIVEL mendengar penerangan daripada Dr. Abd Latif Mohmod berkenaan spesies buluh yang terdapat di Malaysia selepas merasmikan Galeri Buluh di FRIM, Kepong baru-baru ini.

FRIM tubuh galeri buluh

LANJUTAN sejarah penyelidikan buluh dan palma yang begitu panjang, FRIM sekali lagi mendedikasikan hasil usaha tersebut dengan menubuhkan sebuah galeri khas yang mempamerkan pelbagai produk dan spesies buluh serta palma untuk tatapan umum.

Galeri tersebut ditubuhkan pada tahun lalu oleh Program Kualiti Kayu dan Hasil Bukan Kayu di bawah Bahagian Keluaran Hutan.

Majlis perasmian galeri baru itu disempurnakan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel dalam rangka lawatan kerja ke FRIM. Sebagai memperingati upacara tersebut, beliau turut berkesempatan menanam anak pokok buluh *China (Phyllostachys viridis)* di perkarangan galeri tersebut.

Mempamerkan koleksi lebih daripada 100 barang tradisional dan produk moden yang dihasilkan melalui teknologi baru, penubuhan galeri tersebut bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai potensi komersial sumber-sumber asli yang penting.

Dibuka setiap hari untuk tatapan umum, galeri buluh memberikan pelbagai info menarik mengenai buluh dan palma yang terdapat di seluruh negara.

Selain info berkenaan buluh dan rotan, galeri yang dibuka kepada orang awam tersebut turut menempatkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkenaan kedua-dua produk bukan kayu berupa perabot dan pelbagai produk untuk kegunaan sehari-hari.

Mengulas lanjut, Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, usaha R&D berkenaan buluh yang dilaksanakan FRIM adalah berikutnya tumbuhan tersebut amat sesuai menjadi pengantin kepada kayu.

"Menerusi galeri ini, diharapkan dapat membuka minda masyarakat bahawa buluh mampu menjana pendapatan yang lumayan sekitarannya diusahakan dengan betul.

"Apakah kita dapat, masyarakat tidak berminat untuk mengusahakan produk berdasarkan buluh kerana mereka mempunyai pilihan lain seperti kayu bakar, kelapa sawit dan juga getah," katanya.

Kajian yang dilakukan juga mendapat sambutan yang baik dan tidak mudah patah.

"Sifat tersebut menunjukkan buluh memiliki kekuatan yang baik selain proses tumbuhan yang singkat sebelum diusahakan dengan betul.



G. PALANIVEL tertarik dengan produk berdasarkan buluh yang dipamerkan di Galeri Buluh.